

26 AUG 2001

Mahathir-SIC

DR MAHATHIR BUAT LAWATAN SECARA MENGEJUT KE SIC

SEPANG, 26 Ogos (Bernama) -- Kira-kira 200 tetamu yang berkumpul di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) untuk upacara pemeteraian perjanjian melantik Cahaya Mata Sarawak Berhad sebagai penaja utama bagi Perlumbaan Enduran Millennium Merdeka 2001 terkejut apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat ke litar itu.

Perdana Menteri yang memandu Pajero tiba di litar ketika para tetamu berehat untuk makan malam selepas upacara menandatangani perjanjian itu.

"Saya singgah untuk melihat perkembangan di sini," kata Dr Mahathir kepada tetamu sambil tersenyum setibanya di sini.

Tetapi bagi mereka yang mengetahuinya, lawatan itu ialah untuk memberi sokongan moral kepada anaknya Datuk Mokhzani yang akan menyertai perlumbaan itu.

Beliau berada kira-kira sejam di litar dan menurunkan tandatangannya pada kereta Porsche GT3 yang akan dipandu oleh Mokhzani.

Mokhzani akan menyertai perlumbaan menggunakan nama samaran "Jani Che Det". Dr Mahathir dijadual menyampaikan hadiah.

Siri perlumbaan MME merupakan perlumbaan enduran Malaysia yang pertama selama 12 jam dengan peserta -- tiga pelumba dalam satu pasukan -- dilepaskan pada tengah malam dan mengambil giliran untuk menamatkan perlumbaan pada tengah hari pada Hari Kebangsaan.

Terdahulu, SIC menandatangani perjanjian dengan Cahaya Mata Sarawak Berhad (CMSB), yang dilantik sebagai penaja utama bagi edisi 2001.

Pada majlis itu, Pengurus Besar SIC Ahmad Mustafa mewakili litar sementara Pegawai Operasi Kumpulan CMSB Albert Chan menandatangani bagi pihak syarikat.

Pengurus Besar Kumpulan CMSB Isaac Lugun dan Pengarah SIC Datuk Adnan Shamsudin menyaksikan upacara pemeteraian itu.

-- BERNAMA

NHA RZS TS FAZ